

06/12/1997

Kertas dasar aeroangkasa dilancar

LANGKAWI, Jumaat - Kertas Dasar Pembangunan Industri Aeroangkasa Malaysia yang antara lain merangkumi cadangan penubuhan Majlis Aeroangkasa Kebangsaan dan Agensi Pentadbiran Angkasa Malaysia (MASA), dilancarkan di sini hari ini.

Kertas dasar yang dilancarkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu turut mencadangkan langkah meningkatkan taraf Jabatan Penerbangan Awam (DCA) kepada Lembaga Penerbangan Awam (CAA) yang berfungsi mengawasi, mewujudkan peraturan dan kawalan trafik udara serta produk dan perkhidmatan aeroangkasa.

Majlis Aeroangkasa Kebangsaan akan mengawasi pembangunan sektor aeroangkasa negara serta membuat keputusan penting membabitkan haluan, kepentingan dan strategi industri itu.

Ia bakal mengamalkan prinsip perkongsian pintar membabitkan penyertaan sektor awam dan swasta dengan cadangan supaya Perdana Menteri sebagai pengerusi dan Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku timbalan pengerusi, yang akan diputuskan oleh kerajaan selepas ini.

MASA pula akan memastikan pengurusan penerokaan angkasa lebih berkesan, termasuk pembangunan program satelit kebangsaan yang turut membantu mengukuhkan kemampuan teknologi.

Kertas dasar itu dirangka oleh Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MiGHT) yang seterusnya menubuhkan Kumpulan Khas MiGHT Mengenai Aeroangkasa yang diterajui Pengerusi Bersama MiGHT, Tan Sri Tajudin Ramli yang juga pengerusi Penerbangan Malaysia (MAS).

Cadangan mewujudkan dasar ini dicetuskan oleh Dr Mahathir ketika merasmikan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima '95) dan menyerahkan kepercayaan kepada MiGHT bagi merangkanya. MiGHT menyerahkannya kepada kerajaan pada Oktober tahun lalu, dan dipersetujui Jemaah Menteri pada 17 September lalu.

Berucap di majlis pelancarannya, Dr Mahathir berkata, sebagai tambahan kepada penubuhan majlis, kerajaan menyokong penubuhan sebuah badan penyelarasan aeroangkasa kebangsaan sebagai pusat rujukan pelbagai kegiatan dan pelaburan sektor aeroangkasa.

"Badan ini akan mengukuhkan lagi inisiatif dalam sektor aeroangkasa dan menerajui pembabitan Malaysia dalam industri berkenaan. Selain pusat rujukan bagi pengurusan program, ia juga bertindak sebagai perantara untuk mereka dari dalam dan luar negara yang berminat dalam industri aeroangkasa," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, cadangan meningkatkan taraf DCA perlu dengan mengambil kira perluasan industri penerbangan kepada kegiatan aeroangkasa yang belum diterokai.

"Kerajaan percaya industri aeroangkasa amat penting terhadap pembangunan negara secara keseluruhan dan membabitkan pelbagai sektor daripada kegiatan penerbangan ke angkasa, penyelenggaraan dan pengeluaran keseluruhan pesawat.

"Wujud keperluan kritikal untuk merombak industri aeroangkasa dan mereka yang terbabit dalam bidang itu tetapi dengan sumber yang terhad, kita perlu berkongsi dengan sektor lain yang makin berkembang, seperti automatif, minyak serta gas dan multimedia.

"Sehubungan itu, industri aeroangkasa tidak boleh menjadi terlalu berpecah tetapi menerimanya sebagai wawasan nasional sebagai teras yang bakal menyediakan rangka kerja konsisten bagi mengenal pasti dan menilai

kegiatan utama yang boleh dibangunkan," katanya.

Sebuah Program Pembangunan Sumber Manusia juga akan diperkenalkan bagi memastikan jumlah, kemahiran dan kos kakitangan mencukupi dan kompetitif.

Ia akan mengambil kira pelbagai kategori buruh yang diperlukan dalam sektor aeroangkasa yang boleh digunakan dalam industri lain, serta menyediakan teknologi kritikal di masa depan.

(END)